



SIARAN MEDIA

MALAYSIA CIPTA KOMUNITI YANG BERDAYA HUNI DAN HARMONI MELALUI USAHA KELESTARIAN DAN INKLUSIVITI

KUALA LUMPUR, 12 OGOS 2025 – Malaysia berhasrat membina komuniti yang bukan sahaja selesai untuk diduduki malah disayangi melalui usaha memacu kelestarian dan inklusiviti, kata Presiden Perhimpunan UN-Habitat merangkap YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Nga Kor Ming (YB KM).

Dalam ucap tama semasa majlis perasmian ASUF, AGMF dan MGMAC, beliau menekankan **tiga (3) bidang utama yang menjadi fokus kementerian dalam mempromosikan kelestarian dan inklusiviti, iaitu perumahan, infrastruktur awam dan pengurusan sisa.**

Beliau berkongsi bahawa **98.4% (492,000 unit) daripada sasaran 500,000 rumah mampu milik di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 telah berjaya disiapkan**, dan mengulangi komitmen kementerian untuk mengintegrasikan ciri-ciri lestari dalam Program Residensi Rakyat (PRR) yang diberi penjenamaan semula, seperti sistem penuaian air hujan, panel solar dan pertanian bandar.

Menurut YB KM, “KPKT melalui agensinya Urbanice Malaysia telah memperkenalkan **inisiatif Community Hub** yang mengubah kawasan bersama yang tidak digunakan di perumahan awam menjadi ruang komuniti yang meriah bagi memperkasakan komuniti bandar berpendapatan rendah serta memupuk masyarakat yang lebih adil”.

“Sementara itu, **program Kita Untuk Kita oleh Think City** menyokong golongan miskin bandar melalui pemberdayaan di peringkat akar umbi dengan menyediakan geran untuk mencantikkan kawasan kediaman mereka,” tambahnya.

Bagi menangani perubahan iklim, YB KM berkata kerajaan sedang memohon USD 20 juta daripada Global Climate Adaptation Fund untuk melaksanakan penyelesaian berasaskan alam semula jadi yang berdaya tahan iklim di Kuala Lumpur.

Selain itu, Kerajaan MADANI komited untuk membina 100 Taman MADANI setiap tahun, dengan 109 taman telah siap tahun lalu di kawasan kejiranan seluruh negara, menyediakan lebih banyak ruang hijau kepada rakyat. **Malaysia juga telah melepasi sasaran awal lima tahun untuk menanam 100 juta pokok, dengan pencapaian 115 juta pokok di bawah Program Penghijauan Malaysia.**

Dalam menangani cabaran peningkatan sisa, YB KM menggariskan rancangan untuk **menubuhkan 18 loji waste to energy di seluruh Semenanjung Malaysia**, dengan matlamat mengubah “sampah menjadi wang” dan “sisa menjadi tenaga” demi menyokong matlamat negara mencapai 70% kapasiti tenaga boleh diperbaharui menjelang 2050.

“Selain pemulihan tenaga, kita juga komited **membangunkan ekosistem pengurusan sisa yang lestari melalui Pelan Tindakan Ekonomi Kitaran untuk Sisa Pepejal (2025–2035)**. Bagi memacu visi ini, kita telah menubuhkan Majlis Ekonomi Kitaran Kebangsaan (NCEC) untuk Sisa Pepejal, yang akan memantau pelaksanaan Kerangka Dasar Tanggungjawab Pengeluar Lanjutan (EPR). Kesemua langkah ini bukan sahaja dapat mengurangkan pencemaran dan kos, malah membuka jalan ke arah Malaysia yang lebih hijau dan cekap sumber,” kata YB KM.

Beliau turut menegaskan bahawa pembandaran lestari memerlukan kerjasama serantau dan global, sambil menggesa bandar-bandar ASEAN untuk mengintegrasikan kerangka global seperti SDG, Agenda Bandar Baharu, dan Rangkaian Bandar Pintar ASEAN ke dalam dasar tempatan, di samping memperkukuh suara di peringkat antarabangsa.

“Laluan menuju masa depan yang lebih baik bermula dari peringkat tempatan dan melangkaui peringkat global — dan Malaysia mengundang semua Negara Anggota ASEAN untuk bersama-sama menempuh perjalanan ini,” ujarinya.

ASUF, AGMF dan MGMAC yang berlangsung dari 10 hingga 15 Ogos 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dijangka menarik lebih 8,000 peserta termasuk pemimpin dari 300 bandar.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

